



Amirrudin (kanan) terima anugerah juara PABM 2011 kategori Nusantara daripada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak diiringi Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

PUTRAJAYA, 16 Mac – Pelajar Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) Universiti Putra Malaysia (UPM), Amirrudin Abdul Rahman muncul juara pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri (PABM) 2011 Kategori Nusantara.

Amirrudin berkata beliau amat bertuah kerana dapat mewakili negara Malaysia dalam pertandingan berprestij antarabangsa di samping berkongsi kemahiran dan pengetahuan bersama dengan peserta lain dari luar negara.

“Saya amat berbangga apabila melihat peserta dari luar negara dapat menguasai bahasa kita dengan baik walaupun berbunyi seperti pertuturan Indonesia, ia tidak mematahkan semangat mereka untuk berkongsi idea dengan lantang melalui hujah-hujah yang telah diberikan.



“Bahasa Melayu sememangnya mempunyai keunikan yang tersendiri di mana perkataan dan ejaan mudah difahami dan disebut selaras dengan imej sebagai bahasa lingua franca dahulunya di zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga sekarang menduduki 10 tangga bahasa yang dikenali dan dituturkan di dunia,” katanya.

“Saya teruja dengan peserta dari negara Turki yang memenangi johan bagi kategori Antarabangsa kerana berjaya menambat hati juri dan semua rakyat Malaysia dengan menggunakan deklamasi pantun bagi mengukuhkan hujah dan debatrya dengan berkesan.



Amirrudin (kanan) juara kategori Nusantara dan Halil Ibrahim (kiri) juara kategori Antarabangsa.

Beliau membawa pulang wang berjumlah RM 15,500 berserta piala pusingan manakala naib johan dimenangi peserta dari Brunei, Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Haji Damit dengan membawa pulang wang berjumlah RM 9,300 berserta piala pertandingan.

Pertandingan yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu Antarabangsa dan Nusantara itu diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dengan disertai 56 peserta dari 51 buah negara.

Pertandingan akhir PABM 2011 bertemakan 'Pengantarabangsaan Bahasa Melayu' itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang turut dihadiri Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.



Lapan peserta yang layak ke peringkat akhir dari kiri negara Australia, Malaysia, China, Korea Selatan, Brunei, Turki, Singapura dan Rusia.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Mohd Faisal Md Noor), 03-89467469.